

MAHATHIR-BUNUH 2'2'2' 1984

KOTA BAHARU, 14 SEPT. (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAUMENDAPAT TAHU PAS BERURA-URA MENUBUHKAN KUMPULAN MEMBUNUH PARAPEMIMPIN UMNO KONONNYA MEMBUNUH ORANG-ORANG UMNO ITU HALAL DAN TIDAK MERUPAKAN SATU JENAYAH.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BELIAU TIDAK MEMPUNYAI BUKTI TENTANG WUJUDNYA PENUBUHAN SKUAD MEMBUNUH ITU DAN CUMA MENDAPAT TAHU MENGENAINYA BERDASARKAN PENGAKUAN PEMIMPIN PAS SENDIRI YANG MENYATAKAN PARTI ITU TELAH MEMPUNYAI SEBUAH PASUKAN BERANIMATI.

+MEREKA BERKATA DARAH ORANG UMNO HALAL BAGI MEREKA DAN MEREKA BOLEH MEMBUNUH ORANG-ORANG UMNO KERANA TIDAK MENJADI JENAYAH PADA PANDANGAN MEREKA, ITAMBAHNYA KEPADA PARAPEMBERITA SELEPAS MENGADAKAMPERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN SERAMAI 600 ORANG ANGGOTA JAWATANKUASA SEMUA BAHAGIAN UMNO, PEMUDA UMNO DAN WANITA UMNO KELANTAN DI AUDITORIUM MARA DI SINI.

BELIAU KEMUDIAN MENGADAKAN MESYUARAT TERTUTUP DENGAN JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI UNTUK MENERANGKAN LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL UNTUK MENGHADAPI PERTEMPURAN PAS TERHADAP UMNO.

PRESIDEN UMNO ITU BERKATA BELIAU TIDAK TAHU SIAPA YANG DIYUGASKAN MENJALANKAN GERAKAN MEMBUNUH ITU TETAPI BELIAU TAHU TENTANG NIAT BURUK TERSEBUT.

LAPORAN BERNAMA BARU-BARU INI MENYEBUTKAN TENTANG ADANYA SATU SENARAI NAMA LIMA ORANG PEMIMPIN UMNO YANG MENJADI SASARAN KUMPULAN MEMBUNUH ITU.

+SAYA TIDAK TAHU SAMA ADA SAYA MERUPAKAN SALAH SEORANG DARIPADA LIMA ORANG ITU. MALAH SAYA TIDAK TAHU NAMA LIMA ORANG YANG AKAN MENJADI SASARAN MEREKA KERANA SAYA BELUM MELIHAT SENARAI ITU, + KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR SEMASA DITANYA SAMA ADA BELIAU MERUPAKAN SALAH SEORANG PEMIMPIN YANG DIMASUKKAN DALAM SENARAI ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA: +SAYA BELUM LAGI MENERIMA LAPORAN POLIS MENGENAI PERKARA ITU TETAPI SAYA AKAN MENDAPATKAN BUTIR-BUTIR LANJUT SAMA ADA IASATU PEMBOHONGAN PARAPEMIMPIN PAS YANG MENJADI KELAZIMAN

MEREKA ATAU IA SATU PERKARA BENAR.

BELIAU MEMBER% AMARAN JIKA KEGIATAN INGIN MEMBUNUH ITU BENAR, POLIS AKAN MENGAMBIL TINDAKAN YANG PERLU BERDASARKAN UNDANG-UNDANG NEGARA INI.

TEGASNYA, KEGIATAN ITU JELAS MENUNJUKKAN PAS TELAH JAUH MENYIMPANG DARI AJARAN ISLAM DAN BELIAU MEMINTA UMAT ISLAM DI NEGARA INI BERHATI-HATI TERHADAP BAHAYA YANG DIHADAPI OLEH MEREKA DARIPADA SEGI AKIDAH DAN KEPERCAYAAN KEPADA ISLAM KERANA KEGIATAN PAS YANG BENGAJA MENYALAH TAFSIRKAN AGAMA UNTUK KEPENTINGAN MEREKA.

TERDAPAT BAHAYANYA AKIDAH DAN KEPERCAYAAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI TERANCAM.

+MEREKA MUNGKIN PERCAYA DENGAN ISLAM YANG DISALAH TAFSIRKAN OLEH PEMIMPIN PAS YANG FAHAM TENTANG ISLAMNYA CETEK TETAPI SENTIASA BERSEDIA MENGGUNAKAN ISLAM SECARA SALAH UNTUK KEUNTUNGAN SENDIRI.

MENGENAI ISAMADA TERDAPAT PERHUBUNGAN ANTARABANGSA TERMASUK ZIONIST MERESAPI PAS, PERDANA MENTERI BERPENDAPAT: +KITA NAMPAK BANYAK PERSAMAAN DI ANTARA KEGIATAN PAS DENGAN KEGIATAN-KEGIATAN TERTENTU DI NEGARA LAIN DAN TERPULANG KEPADA ANDA UNTUK MEMBUAT TAFSIRAN SENDIRI.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN UMNO KHUSUSNYA HENDAKLAH MENELITI SEGALA GERAK-GERI PAS DAN MENGAMBIL TINDAKAN POSITIF UNTUK MENENTUKAN SEGALA TAFSIRAN DAN AJARAN SALAH PAS DAQAT DIHAPUSKAN SAMA SEKALI DARIPADA BUMI MALAYSIA UNTUK MENJAGA KEKUATAN ISLAM DI NEGARA INI DAN DI DUNIA.

SAMBIL MENGATAKAN PEMIMPIN PAS TELAH SESAT, BELIAU BERKATA PERBUATAN MEREKA JIKA DIBANDINGKAN DENGAN PIMPINAN LAMA PAS TIDAK LAGI SOPAN DAN MELAMPAUI BATAS DENGAN MENGATAKAN BUKAN SAHAJA ORANG UMNO TIDAK ISLAM DAN KAFIR TETAPI UMAT ISLAM LAIN YANG BUKAN ANGGOTA UMNO.

+MEREKA MENGATAKAN KONONNYA CUMA ANGGOTA PAS SAHAJA YANG ISLAM. KALAU BEGITU NABI MUHAMMAD BUKAN ISLAM KERANA TIDAK SEMPAT MASUK PAS DAN BEGITU JUGA UMAT ISLAM LAIN DI DUNIA. +---IAGT

MAHATHIR-BUNUH KOTA BAHARU

BELIAU MENYIFATKAN PEMIMPIN PAS SEKARANG BEGITU PUTUSASA SEHINGGA MEREKA MEMBUANG PEMIMPIN LAMA SEPERTI DATUK ASRI HAJI MUDA D A N DATUK HAJI MOHAMAD NASIR DAN MENGGANTIKAN DENGAN PEMIMPIN YANG TIDAK LAYAK SEHINGGA PERJUANGAN MEREKA BERTUKAR CORAK MENJADI BERBAHAYA.

+ ANGGOTA- ANGGOTA LAIN PAS TIDAK BERDOSA KERANA MEREKA CUMA DITAMBAT !? I HIDUNG DAN DIHERET OLEH PEMIMPIN- PEMIMPIN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB. OLEH ITU ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB KITA SEBAGAI PARTI ISLAM TERBESAR MENYEKATORANG- ORANG YANG MENYELEWENC DARI AGAMA INI DARIBERMAHARAJARELA MEMBAWA FAHAMAN YANG TIDAK DIINGINI OLEH ISLAM , + PESANNYA KEPADA ANGGOTA UMNO.

DR. MAHATHIR MENUDUH KEGIATAN SESAT PAS TELAH BERLELUASA SEHINGGA ADA USAHA MENGKAFIRKAN ASKAR-ASKAR KONONNYA TIDAK ISLAM KERANA MEMASUKI HUTAN MELAWAN KOMUNIS TANPA BERSEMBAHYANG.

+ INI SENGAJA DILAKUKAN UNTUK MELEMAHKAN TAHANAN NEGARA INI SUPAYA KOMUNIS BERJAYA MENAKLUKI NEGARA INI. SAYA INGIN MENANYAKAN BOLEHKAH KITA MENEGAKKAN ISLAM JIKA KOMUNIS MEMERINTAH? + TANYA PERDANA MENTERI.

BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA PERLEMBAGAAN PAS BUKAN BERLANDASKAN QURAN DAN HADIS MALAH SAMA DENGAN UMNO TETAPI CUMA MEMPERALATKAN ISLAM UNTUK KEPENTINGAN POLITIK.

BELIAU MENEGASKAN UMNO TIDAK TERANCAM DENGAN PAS TETAPI YANG DITAKUTKAN IALAH PAS MEMBAWA BAHAYA SEHINGGA AKIDAH UMAT ISLAM TERJEJAS SEHINGGAKAN YANG BENAR- BENAR ISLAM DIKATAKAN TIDAK ISLAM TETAPI YANG BUKAN ISLAM DIKATAKAN SEBALIKNYA.

DR. MAHATHIR BERHARAP ORANG UMNO TIDAK TAKUT BERJUANG MENENTANG PAS MALAH ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB MEREKA MENDEDAHKAN SEGALANYA KEPADA RAKYAT UNTUK MENERANGKAN KESALAHAN PAS SEPERTI MENYALAH TAFSIRKAN AGAMA DAN MELAKUKAN PELBACAI KEGIATAN YANG BERTENTANGAN DENGAN AGAMA.

+ ADA ORANG YANG TAKUT MEMBUAT KENYATAAN TENTANG SALAH TAFSIRAN PAS KONONNYA JIKA BERBUAT DEMIKIAN DIPANGGIL ANJING KERAJAAN. JIKA KITA TIDAK BERANI, BERMAKNAKITA TIDAK BERTANGGUNGJAWAB, + BELIAU MENGINGATKAN.

+ UMNO TIDAK BERGERAK CUMA KERANA PILIHAN RAYA TETAPI JUGA MENGATUR LANGKAH JIKA BERLAKU KEADAAN YANG MENGANCAM NEGARA. KESALAHAN PAS TIDAK BOLEH DIMAAFKAN KERANA JIKA BERJAYA MEMECAH- BELAHKAN ISLAM AKAN MEMBERI KEJAYAAN KEPADA MUSUH- MUSUH NEGARA.

PERDANA MENTERI MENERANGKAN KERAJAAN MENENTANG PAS CUMA ATAS SOAL AKIDAH MALAH ANUMNO MENYAMBUK BAIK WUJUDNYA PARTI PEMBANGKANG DI NEGARA INI SERTA MEMBENARKAN MEREKA MENKRITIK KERAJAAN. ---BERNAMA